

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL[ BACHOK ]**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pertimbangan pihak ASEAN ketika ini untuk memperbaharui semula Deklarasi Tatalaku Pihak yang Berkepentingan di Laut China Selatan dengan China seperti yang pernah dilaksanakan pada 2002.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Berkenaan dengan status Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC), umum mengetahui bahawa negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai DOC pada 4 November 2002. Ini adalah merupakan salah satu inisiatif ASEAN dan China ini untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan mengelakkan tercetusnya sebarang ketegangan di Laut China Selatan.

3. Untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia, pada masa ini negara-negara ASEAN dan China sedang dalam proses rundingan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***. COC tersebut dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.
4. Proses bacaan pertama Draf Teks Rundingan Tunggal, atau dengan izin, ***Single Draft Negotiating Text (SDNT)*** bagi COC yang dimulakan pada Jun 2018 telah berjaya dilaksanakan semasa Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN-China mengenai pelaksanaan DOC dan rundingan COC ke-29, yang telah dihoskan oleh Malaysia pada 21 sehingga 22 Julai 2019 di Pulau Pinang. Bacaan seterusnya telah dimulakan pada Oktober 2019, namun tertangguh buat masa ini berikutan krisis pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Untuk makluman Sidang Dewan, kesemua pihak yang terlibat sedang berusaha untuk memastikan ianya dapat diteruskan dalam waktu terdekat. Dalam hal ini, Malaysia tetap komited untuk melaksanakan DOC sepenuhnya dan menyelesaikan COC yang efektif dan substantif.
5. Kerajaan Malaysia akan sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan, hak kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.